**ETR 300**

**ASAS KEUSAHAWANAN**

# "EMAS KLASIK"

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**ENCIK SHAMSUDIN HUSSIN**
**PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)**
**INSTSITUT TEKNOLOGI MARA**
**MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**AHMAD MIZANI BIN AB RAHMAN**
**MOHD. SHAHREL DAUD**
**NAZLI BT. AB RAHIM**
**HALIJATUN ABDULLAH**
**HAYATI IBRAHIM**

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

**CAWANGAN MELAKA**

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067


Tarikh: 8hb. Mac 1997
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

| Bil | Nama Pelajar | No. ITM |
|---|---|---|
| 1. | Ahmad Mizani Ab Rahman | 94983004 |
| 2. | Mohd Shahrel Daud | 93685714 |
| 3. | Nazli Abd Rahim | 95335974 |
| 4. | Hayati Ibrahim | 94547434 |
| 5. | Halijatun Abdullah | 94560785 |

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

**SHAHARIAH HJ OSMAN**
**Ketua Kursus DBS**
**ITM Melaka**
**b/p Pengetua**

**SURAT PENYERAHAN**

Diploma Pengurusan Perniagaan
Kajian Pengajian dan Pengurusan
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

7 April 1997

------------------------------------------------------------------------------------------------------------
--------

Encik Shamsudin Hussin
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi MARA
KM 26 Jalan Lendu
Melaka

Encik,

**Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan**

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya kami menyerahkan Rancangan Perniagaan yang t elah kami sempurnakan dengan tertubuhnya satu perkongsian bernama Emas Klasik Enterprise yang membuat dan mengedarkan barang-barang kemas dari emas..

2. Rancangan Perniagaan ini adalah sebahagian dari syarat bagi melengkapkan keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300), seterusnya juga menjadi keperluan untuk memperolehi Diploma Pengajian Perniagaan yang sedang kami duduki.

3. Kertas kerja ini juga bertujuan untuk mendedahkan kaedah-kaedah serta teknik-teknik yang baik dan bersesuaian untuk dipraktikkan agar menjadi panduan dan petunjuk

bagi kami atau mana-mana pihak yang ingin melibatkan diri secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang perniagaan.

4. Akhir sekali, semoga penyerahan Rancangan Perniagaan yang dihasilkan akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Harapan kami agar segala yang telah kami lakukan selama ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

(Ahmad Mizani Ab. Rahman)

(Halijatun Abdullah )

(Mohd. Shahrel Daud)

(Hayati Ibrahim )

(Nazli bt. Abd. Rahim)

## 1.0 PENGENALAN

**Emas Klasik** adalah sebuah syarikat yang beroperasi untuk menyediakan pasaran bagi permintaan terhadap barangan kemas bercirikan tradisional dan kemelayuan. Sesungguhnya, ini adalah selaras dengan saranan kerajaan untuk menonjolkan nilai-nilai harmonis tempatan tanpa mengabaikan penggunaan teknologi moden.

Syarikat secara amnya, akan memastikan pengedaran ke atas barangan kemas jenis ini lebih cekap dan berkesan bersesuaian dengan permintaannya yang terus meningkat.

Perniagaan ini adalah perniagaan perkongsian yang terdiri daripada lima orang rakan kongsi. Ianya adalah sebuah perniagaan membuat dan mengedar barangan kemas (emas).

Kami yakin perniagaan kami akan memonopoli pasaran tempatan terutamanya di sekitar Lembah Kelang. Ini berikutan dengan ketiadaan syarikat yang menjalankan perniagaan ini secara khusus, iaitu membuat dan mengedar barangan kemas jenis ini.